NAMA: TARIKH:

STANDARD PEMBELAJARAN / *LEARNING STANDARDS*	
1.3.3	Mengeksperimen untuk mengkaji lengkung pertumbuhan dalam tumbuhan. *Experimenting to study the growth curve in plants.*
TP	3

Pernyataan masalah:

Hipotesis:

Pemboleh ubah:

Dimanipulasi:.....

Bergerak balas:.....

Dimalarkan:.....

Bahan : Tanah, biji benih jagung, baja dan air

Radas: Petak semaian dan pembaris meter

Prosedur:

1. Satu petak semaian disediakan untuk menanam biji benih jagung.
2. Kira-kira 20-30 biji benih jagung ditanam sejauh 20 cm.
3. Apabila biji benih jagung bercambah keluar dari permukaan tanah, ketinggian pokok jagung diukur setiap 10 hari bagi satu tempoh 100 hari..
4. Pokok jagung itu disiram air setiap hari dan dibaja setiap minggu.
5. Purata bacaan yang diperolehi direkodkan dalam satu jadual.
6. Satu graf ketinggian pokok jagung melawan masa diplotkan.

Keputusan:

Hari	0	10	20	30	40	50	60	70	80	90	100
Ketinggian /cm	1	4	10	24	39	76	114	136	150	155	155

LIVEWORKSHEETS



Perbincangan / *Discussion*:

1. Berdasarkan graf yang diplotkan, nyatakan jenis fasa pada 20 hari yang pertama. Terangkan.

2. Terangkan apakah yang berlaku pada pertumbuhan pokok jagung pada hari ke-20 hingga 60.

3. Terangkan apakah yang berlaku pada pertumbuhan pokok jagung pada hari ke-80 hingga 100

4. Ramalkan apa yang akan berlaku pada pokok jagung selepas hari ke-100. Mengapa?

Kesimpulan

LIVEWORKSHEETS